

# **PNB**

**KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk siaran segera  
11 Mac 2024**

## **ASNB LANCAR PENASIHAT PELABURAN ROBO (RIA)**

*Ciri baharu aplikasi myASNB bertujuan untuk memudahkan pelaburan untuk semua*

**KUALA LUMPUR, 11 Mac 2024:** Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), telah memperkenalkan RIA, satu ciri baharu dalam aplikasi myASNBnya, yang direka untuk menjadikan pelaburan mudah dan boleh diakses oleh semua rakyat Malaysia.

RIA, atau Penasihat Pelaburan Robo (*Robo Investment Advisor*), dilancarkan dengan tujuan untuk menangani cabaran umum apabila membuat keputusan pelaburan selain memperkasakan individu dari semua lapisan masyarakat untuk mengawal dan bertanggungjawab terhadap masa depan kewangan mereka dengan pengalaman pelaburan yang mesra pengguna dan diperibadikan.

“Kami teruja untuk memperkenalkan RIA dalam pasaran Malaysia, menandakan satu langkah penting ke arah menjadikan pelaburan lebih inklusif dan mudah diakses oleh pelanggan kami. Inisiatif ini jelas mencerminkan matlamat baharu PNB ‘untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi’,” kata Muzzaffar Othman, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB.

“Dengan pengenalan RIA, pelaburan adalah semudah satu sentuhan, memberikan kuasa di tangan pemegang unit kami untuk mengemudi masa depan kewangan mereka. Di ASNB, pelanggan sentiasa di hati kami dan kami berusaha untuk terus menambah baik penawaran produk dan perkhidmatan kami.”

Dengan RIA, ASNB menyasarkan untuk memudahkan pelaburan dengan menawarkan portfolio yang diperibadikan dan mengautomasikan transaksi utama seperti deposit berulang melalui ciri Auto Laburnya. RIA menangani isu-isu penting seperti literasi kewangan, pelaburan minimum yang tinggi, dan akses kepada nasihat profesional.

Bermula dengan deposit minimum sebanyak RM100, RIA bukan sahaja memenuhi keperluan pemegang unit ASNB sedia ada tetapi juga mengalu-alukan pelabur kali pertama dengan bajet yang lebih kecil, menawarkan yuran yang telus dan proses pelaburan yang mudah.

“Di ASNB, pelanggan kami kekal sebagai keutamaan kami, dan RIA mencerminkan komitmen kami yang tidak berbelah bahagi untuk meningkatkan perjalanan kewangan mereka melalui produk inovatif dan perkhidmatan yang unggul,” tambah Muzzaffar.

Dikuasakan oleh algoritma lanjutan, RIA membina portfolio tersuai berdasarkan toleransi risiko dan matlamat kewangan individu, memastikan portfolio kekal sejajar dengan objektif pelabur melalui pengimbangan semula automatik dan pelaburan semula dividen.

Disesuaikan dengan pelabur Malaysia, RIA menyokong kaedah pembayaran tempatan yang popular dan tersedia dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris untuk kemudahan penggunaan. Selain itu, pelabur yang membuka portfolio RIA melalui aplikasi myASNB akan menikmati pengecualian yuran pengurusan RIA (*yuran wrap*) sebanyak 0.30% setahun sehingga 31 Disember 2024.

Dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai Pengurus Pelaburan Digital, ASNB berhasrat untuk mentakrifkan semula nasihat pelaburan dengan RIA, menyediakan penyelesaian yang mudah dan inovatif untuk pelabur Malaysia.

Pelancaran RIA sebagai ciri baharu dalam aplikasi myASNB akan dilaksanakan secara berperingkat dalam beberapa minggu akan datang. Untuk mula melabur dengan RIA, muat turun aplikasi myASNB dari Apple App Store, Google Play Store atau Huawei AppGallery, daftar akaun myASNB dan pilih RIA.

Pengguna myASNB sedia ada boleh mengakses RIA terus daripada aplikasi untuk memulakan perjalanan pelaburan baharu.

Untuk maklumat lanjut dan untuk memulakan perjalanan pelaburan anda dengan RIA, layari portal ASNB di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

- Tamat -

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepadakekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

**Mengenai RIA**

RIA menyediakan perkhidmatan pengurusan pelaburan digital kepada pelabur Malaysia, menawarkan penyelesaian pengurusan portfolio yang pintar, mudah dan diperibadikan. ASNB (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)), sebagai pengendali RIA, dilesenkan dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**